

19/05/1998

Menelusuri sejarah NGO

Makmor Tumin

LATAR belakang NGO di Malaysia hanya akan dapat difahami dengan mendalam jika kita dapat memahami sejarah Akta Pertubuhan itu sendiri. Akta Pertubuhan (1966) mempunyai latar belakang sejarah yang cukup panjang iaitu selama lebih 100 tahun yang lalu bermula dengan Ordinan Preservation of the Peace (1865) dan seterusnya Ordinan Societies (1869). Kewujudan kedua-dua ordinan itu khususnya Ordinan Societies yang pertama kali diperkenalkan di Pulau Pinang dan Melaka, bertujuan untuk mengawal dan menyelaras aktiviti-aktiviti berpersatuan terutamanya pertubuhan-pertubuhan Cina di Tanah Melayu. Ordinan itu mempunyai fungsi yang sama dengan Akta Pertubuhan 1966 yang sekarang ini bertujuan mengawal aktiviti NGO.

Di samping akta-akta lain seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Polis dan Akta Percetakan dan Penerbitan, Akta Pertubuhanlah yang sering dianggap oleh sesetengah pemimpin NGO sebagai menyekat kebebasan aktiviti mereka. Menurut mereka, sekatan dan kongkongan itu didapati semakin kuat terutama apabila kerajaan membuat cadangan untuk meminda akta itu pada tahun 1981. Oleh itu, satu bantahan secara kolektif dan besar-besaran dianjurkan oleh NGO pada tahun itu. Mereka mahukan supaya kerajaan lebih liberal dan memberikan lebih banyak kebebasan terhadap aktiviti NGO.

Antara pertubuhan yang terbabit dalam bantahan itu ialah Abim, CAP, Aliran, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), EPSM, Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Persatuan Siswazah Selangor (SGS), Persatuan Siswazah Universiti Malaya, Persatuan Siswazah ITM (SISTEM), Kumpulan Pengajian Islam ITM (KPITTM), Jamiah Dakwah Selangor dan Wilayah Persekutuan, Persatuan Orang Buta Malaysia dan Pekerja Pemuda Kristian (YCW).

Adalah difahamkan tujuan kerajaan meminda akta itu adalah bagi mencegah pengaruh komunis antarabangsa daripada mencampuri hal-ehwal Malaysia melalui NGO tempatan. Kerajaan perlu bertindak segera kerana elemen pengaruh komunis dalam pertubuhan-pertubuhan di Malaysia wujud sejak dasar kebebasan berpersatuan dan penggubalan Ordinan Persatuan 1947 lagi. Malahan pengisytiharan Darurat 1948 - 1960 disebabkan oleh kebangkitan pengaruh komunis di Tanah Melayu. Namun ada juga pihak yang mengatakan pindaan itu perlu dilakukan bagi menyekat pengaruh dari Timur Tengah khususnya kesan dari Revolusi Iran 1979.

Berikutan dari bantahan itu, usaha dibuat untuk mendapatkan sokongan semua masyarakat. Akhirnya usaha itu bukan saja mendapat sokongan daripada ratusan NGO yang lain, malah pertubuhan yang lain seperti kesatuan sekerja juga golongan profesional. Bukan itu saja, penentangan itu mendapat sokongan di kalangan golongan istana. Hasilnya lebih daripada 70,000 tanda tangan diperolehi bagi menunjukkan sokongan terhadap bantahan itu.

Meskipun menerima pelbagai tentangan dari pelbagai penjuru, pindaan akta itu tetap diterus dan akhirnya diwartakan pada 12 Mei 1983. Memang tidak dapat dinafikan ada beberapa pembedaan dan pengubahsuaian pada akta itu, misalnya 9 pindaan kecil dari beberapa seksyen dari akta itu. Namun beberapa pemimpin NGO pada ketika itu khususnya Gurmit Singh antara lain, menganggap tidak terdapat banyak perubahan dalam Akta Pertubuhan 1983 itu melainkan pemotongan di sana sini beberapa seksyen dan definisi mengenai pertubuhan-pertubuhan politik dan sedikit kompromi mengenai mengadakan hubungan dengan pihak luar (Gurmit Singh, 1984: Malaysia Societies:

Friendly or Political?).

Namun begitu, aktiviti NGO masih terus lantang dengan mengkritik akta itu, berbanding akta-akta yang lain. Kritikan mereka didengari dalam seminar dan persidangan yang diadakan malah penerbitan yang dihasilkan. Semua akta-akta yang dianggap draconian seperti ISA, OSA, Akta Percetakan dan Penerbitan dan Importation of Foreign Act dikritik oleh mereka. Justeru tidak berpuas hati dengan pelbagai akta dan sekatan terutamanya Akta Rahsia Rasmi, pemimpin NGO berserta dengan beberapa kumpulan lain termasuklah golongan wartawan mencadangkan Freedom of Information Act (1986).

Akibat bantahan NGO serta kritikan mereka yang lantang dan dianggap keterlaluan terhadap apa yang didakwa mereka sebagai salah laku kerajaan dalam pengurusan, akhirnya ramai pemimpin mereka ditahan di bawah ISA ketika Operasi Lalang 1987. Aktiviti-aktiviti NGO dikecam hebat oleh kerajaan malah dalam kertas putih, kerajaan menjelaskan isu penangkapan beramai-ramai 1987 itu disebabkan NGO dipengaruhi dan mempunyai pakatan dengan komunis serta gerakan subversif. Seperti yang dilaporkan oleh media pada ketika itu, kerajaan telah menamakan lima NGO termasuk dua parti politik sebagai kumpulan yang telah menimbulkan keadaan kacau-bilau dan mengganggu ketenteraman awam.

NGO dan parti politik yang dimaksudkan itu ialah Aliran, CAP, Malaysia Bar Council, EPSM, SGS serta Democratic Action Party (DAP) dan Parti Islam Semalaysia (Pas).

NGO dan parti politik yang dimaksudkan ialah Aliran, Cap, Malaysia Bar Council, EPSM, SGS serta Democratic Action Party (DAP) dan Parti Islam Semalaysia (Pas).

Kita mendapati pada tahun 80-an, ada aktiviti bercorak penentangan dan berkonfrontasi antara NGO dan kerajaan.

Ketika itulah kita dapati semacam tidak mungkin wujud kerjasama antara NGO dan kerajaan. Ini kerana pada pandangan saya, tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia sebelumnya terdapat bantahan secara besar-besaran dilakukan oleh rakyat terhadap kerajaan.

Bukan itu saja, bantahan itu pula dilakukan oleh pertubuhan yang mempunyai latar belakang agama, ideologi, bangsa, kebudayaan dan pendekatan yang rata-ratanya berbeza. Pemimpin NGO seperti Gurmit Singh, Chandra Muzaffar, SM Idris serta Hamdan Adnan dianggap sangat kontroversi.

Namun, hubungan berkonfrontasi itu nampaknya semakin berubah selepas kerajaan menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi negara (Mapen) pada 1989.

Dalam majlis itu, kira-kira 50 pemimpin NGO dijemput menyertai dan memberi pandangan masing-masing. Walaupun ada beberapa aktivis masyarakat dan pemimpin NGO seperti Chandra Muzaffar, Jomo KS, Dr Sanusi Osman, Tan Sri Ahmad Nordin dan Chooi Mun Sou sudah menarik diri kerana tidak berpuas hati dengan kerajaan, pada pandangan saya, mulai dari tarikh itu sudah terbentuk kerjasama antara NGO dan kerajaan. Kerjasama itu bertambah kukuh hingga ke hari ini.

Saya berpandangan sedemikian kerana mulai dari tarikh itu NGO dan kerajaan sering bekerjasama dalam pelbagai tahap perbuatan dasar dan juga pelaksanaannya. Misalnya dalam merumuskan isu mengenai kepenggunaan, pandangan dan sumbangan NGO khususnya Fomca dan CAP sering diminta.

Malah pada 1991, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna diwujudkan bagi menyelaras aktiviti kepenggunaan di Malaysia. Di bawah kementerian itu, Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna Kebangsaan (MPPPK) ditubuhkan bertujuan merumus dasar dan akta mengenai pengguna hasil daripada pandangan pelbagai golongan khususnya pemimpin NGO. Seterusnya pelbagai akta mengenai pengguna sudah digubal seperti Akta Jualan Langsung 1991, Akta Perlindungan Pengguna 1996 dan pelbagai isu lagi ditangani.

Kerjasama antara NGO dan kerajaan juga dapat dilihat dalam isu lain seperti isu wanita dalam sekitar dan isu hak asasi manusia.

Pelbagai usaha dibuat bagi meningkatkan status wanita misalnya melalui Dasar Wanita Negara (1990) dan Akta Keganasan Rumahtangga (1994).

Penggubalan Akta Kualiti Alam Sekitar (1989) dan pelaksanaannya turut membabitkan kerjasama antara kedua-dua pihak. Malah perkara yang menarik untuk diperhatikan dalam isu hak asasi manusia ialah apabila persidangan mengenai hak asasi manusia yang dianjurkan oleh Chandra Muzaffar pada Disember 1994 di Pusat Dagangan Dunia Putra, dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ditutup oleh Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hasil kerjasama dan sumbangan yang diberi pemimpin NGO, idea dan falsafah mereka bukan saja diterima dan diiktiraf malah ramai di kalangan mereka dikurniakan pelbagai anugerah.

Contohnya, Hamdan (Tokoh Pengguna 1993) dan Gurmit Singh (Anugerah Langkawi). Perkembangan itu bukan bererti kini tiada NGO yang mengadakan hubungan berkonfrontasi.

Berdasarkan perbincangan mengenai perkembangan NGO di atas, kita dapati semakin ada hubungan rapat antara NGO dan kerajaan khususnya pada 90-an ini.

Jika masih ada pemimpin NGO yang gemar mengadakan hubungan secara berkonfrontasi dan memburukkan imej negara, mereka haruslah mengubah prinsip, pegangan, falsafah dan ideologi yang dipegang.

Mereka harus mengutamakan kepentingan negara dan bukan mementingkan objektif sempit organisasi serta kerap bertindak mementingkan pihak luar.

Dengan bertindak sedemikian, barulah aktiviti NGO mendapat sokongan masyarakat dan seterusnya pemimpin mereka dihormati.

(END)